

### SAMBUTAN HARI HASiL KE-26

01 Mac 2022, Cyberjaya - Hari HASiL ke-26 yang disambut pada hari ini telah berlangsung dengan meriah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada seluruh Hasilian yang berterusan mempamerkan komitmen yang tinggi dalam memacu keunggulan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Majlis tersebut telah disambut secara hibrid iaitu dengan kehadiran fizikal yang terhad di Dewan Bangsawan, Menara Hasil Cyberjaya dan turut disiarkan secara langsung menerusi *platform youtube* untuk disaksikan oleh Hasilian di seluruh negara.

Perasmian majlis telah disempurnakan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz yang mewakili Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan II, YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa serta YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Perdana Menteri yang teks ucapannya dibacakan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, Kerajaan menjangkakan peningkatan kutipan hasil cukai pada tahun ini susulan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan mampan. Oleh itu HASiL wajar merangka pelbagai strategi jangka pendek dan jangka sederhana bagi merealisasikan jangkaan ini di samping meneruskan penyampaian perkhidmatan secara terus, efektif dan efisien untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat secara keseluruhan. Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah kepada HASiL kerana

berjaya merekodkan amaun kutipan cukai langsung yang lebih tinggi pada tahun 2021 iaitu RM144.109 bilion berbanding hanya RM123.104 bilion pada tahun 2020. Dalam hal ini, penghargaan turut diberikan kepada semua pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka membayar cukai pendapatan walaupun keadaan ekonomi masih tertekan kesan daripada pandemik COVID-19 yang masih belum reda.

Perdana Menteri turut berkeyakinan bahawa Kementerian Kewangan (MOF) dan semua agensi di bawah seliaannya akan terus komited untuk menyumbang kepada sebuah Kerajaan yang responsif, serta bertanggungjawab dan reformis dari segi fiskal. “Selain fokus kepada menambah baik pasaran buruh negara dan memperkasa sektor perniagaan, salah satu penekanan yang akan diberikan oleh MOF termasuklah reformasi fiskal. Ini melibatkan usaha ke arah sistem percukaaian yang lebih cekap dan telus melalui pelbagai sesi libat urus, termasuklah melalui kerjasama dengan agensi MOF, iaitu Keluarga HASiL. Ke arah ini, Kerajaan akan membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal bagi meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan pengurusan fiskal negara. Ini termasuklah merencana Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) yang menekankan sasaran pendapatan yang jelas, sejajar dengan amalan global terbaik, serta sistem cukai yang lebih telus, adil dan saksama berlandaskan penggunaan data raya,” ujar Perdana Menteri lagi.

YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi dalam ucapan alu-aluannya pula berkata, bagi melahirkan sebuah masyarakat yang celik cukai, fokus utama HASiL mulai tahun ini adalah untuk meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela melalui A.E.S iaitu *Awareness* (Kesedaran Cukai), *Education* (Pendidikan Cukai) dan *Services* (Perkhidmatan Cukai). Pada masa yang sama, HASiL sedang menggiatkan usaha mendekati pembayar cukai melalui aktiviti ‘turun padang’ dalam siri libat urus bersama agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan perniagaan dalam pelbagai industri, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan sebagainya bagi mendengar denyut nadi rakyat untuk memberikan perkhidmatan cukai yang terbaik menerusi tadbir urus yang adil, telus, profesional dan mesra pelanggan.

Pada Majlis Sambutan Hari Hasil ke-26 ini, sebanyak empat inisiatif baharu dan transformasi sistem telah dilancarkan dalam usaha HASiL menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan pengurusannya. Empat inisiatif dan transformasi sistem tersebut ialah:

1. **Portal Rasmi HASiL** yang ditambahbaik seiring dengan perkembangan dan evolusi teknologi terkini bagi dimanfaatkan oleh lebih ramai pengguna dengan paparan serta rekabentuk yang lebih sistematik, dinamik dan berimej korporat. Transformasi portal ini adalah berdasarkan amalan baik di peringkat antarabangsa serta dilengkapi dengan ciri-ciri tambahan termasuklah sokongan navigasi dan carian 'search engine', pautan topik popular berdasarkan kekerapan akses maklumat dan kemudahan World Wide Web Consortium (W3C) Disability Accessibility.
2. **DuitNow** sebagai kaedah terbaharu pihak HASiL memulangkan baki cukai terlebih bayar (bayaran balik) kepada pembayar cukai. Kaedah ini diperkenalkan sebagai tambahan kepada kaedah bayaran balik sedia ada iaitu menggunakan Cek, Baucar Bayaran Balik Cukai, Pindahan Dana Elektronik (Electronic Fund Transfer) dan Pindahan Telegrafik. Melalui kaedah ini pembayar cukai yang mempunyai cukai terlebih bayar boleh membuat pilihan untuk menerima bayaran balik tanpa perlu memaklumkan nombor akaun bank mereka kepada HASiL. Sebagai permulaan, pilihan kaedah DuitNow ini hanya terhad kepada pembayar cukai individu. Ianya akan turut dipanjangkan kepada kategori pembayar cukai yang lain pada masa hadapan.
3. **HASiLearn** merupakan sistem e-Pembelajaran yang akan digunakan oleh pegawai HASiL dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran percukaian mereka. Sistem ini dilengkapi dengan sokongan rangka kerja terkini yang dibangunkan secara dalaman dan menyediakan beberapa modul, seperti Pangkalan Data, Pelajaran, Tugas, Bengkel, Chatboard, Forum, Berita, Glosari, Wiki, Pilihan, Kuiz, Penilaian Maklumbalas, SCORM (Shareable Content Object Reference Model) serta fungsi luaran.

4. **Tax Corporate Governance Framework (TCGF)** diperkenalkan sebagai asas kepada HASiL dan pembayar cukai untuk membangun dan mengekalkan hubungan kerja yang lebih terbuka dalam memastikan proses pematuhan percukaian adalah adil dan efektif. Ia menetapkan teknik dan proses dalam organisasi untuk mengenal pasti risiko cukai, menilai risiko dan menetapkan tindakan yang sesuai untuk mengurangkan kesan risiko cukai tersebut. Rangka kerja tadbir urus cukai yang berkesan boleh memupuk tahap keyakinan bahawa organisasi melaporkan dan membayar jumlah cukai yang betul, membolehkan organisasi mencapai kepastian yang lebih besar berhubung dengan hal ehwal cukainya.

Sempena Sambutan Hari HASiL yang ke-26, HASiL juga telah melancarkan **imej korporat baharu** melalui pengenalan rekaan pakaian korporat bagi mencerminkan semangat dan iltizam untuk terus memacu keunggulan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa, sekaligus meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pembayar cukai.

Sementara itu, selaras dengan hasrat HASiL untuk menghargai komitmen berterusan pembayar cukai dalam mempamerkan prestasi pematuhan yang tinggi, 10 pembayar cukai dari kategori syarikat korporat telah dipilih sebagai penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2021. Pemilihan penerima anugerah ini telah dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu:

- i. Amaun cukai yang dibayar adalah signifikan;
- ii. Tiada tunggakan cukai sehingga Tahun 2021;
- iii. Mematuhi bayaran ansuran CP204 tahun semasa;
- iv. Pembayar cukai bukan sedang diaudit / dalam tindakan siasatan cukai; dan
- v. Pembayar cukai bukan dalam tindakan guaman sivil / pendakwaan oleh HASiL.

Berikut merupakan senarai penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik bagi tahun 2021:

1. HONG LEONG BANK BERHAD
2. MBSB BANK BERHAD
3. LONPAC INSURANCE BHD
4. MUFG BANK (MALAYSIA) BERHAD
5. YTY INDUSTRY SDN BHD
6. MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) SDN. BHD.
7. NESTLE PRODUCTS SDN BHD
8. PERODUA SALES SDN BHD
9. MAXWELL GLOVE MANUFACTURING BERHAD
10. SHIMANO COMPONENTS (MALAYSIA) SDN BHD

HASiL turut menganjurkan beberapa aktiviti menarik bersempena dengan Sambutan Hari Hasil ke-26 termasuk Anugerah *Most Outstanding Hasilian* Tahun 2021, *Online Management Talk: Aspirasi Pengurusan Atasan LHDNM*, *Ceramah Perdana*, *Program Bacaan Yasin Tahlil dan Doa Selamat*, *Program Khidmat Komuniti Hasil (CSR)*, *Explorace HASiL 2022 (Keluarga Hasil)*, *Pertandingan Menulis Esei “Peranan Keluarga Hasil Dalam Pembangunan Negara”* dan *Virtual Tax-Edu Challenge 2022* yang melibatkan penyertaan pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi. Berikut merupakan keputusan **Anugerah *Most Outstanding Hasilian* Tahun 2021:-**

1. Puan Norhayati binti Mat Kassim,  
Pengarah Bahagian Operasi Dasar, Jabatan Operasi Cukai
2. Encik Nasruddin bin Mat Nasir,  
Pengarah Cawangan Cheras
3. Puan Haslinda binti Tawyer,  
Eksekutif Hasil Kanan I, Jabatan Teknologi Maklumat

4. Encik Mohammad Mazlan bin Arifin,  
Eksekutif Hasil Kanan II, Cawangan Siasatan Kuching
  
5. Puan Salfaliza binti Mat Saad,  
Eksekutif Hasil Kanan I, Akademi Percukaian Malaysia

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 01 Mac 2022**

## LAMPIRAN



Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz mewakili Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob menyampaikan ucapan perasmian sempena Sambutan Hari Hasil ke-26.



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz menyempurnakan gimik pelancaran Sambutan Hari Hasil ke-26 dengan diiringi oleh Timbalan Menteri Kewangan II, YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (kiri) serta YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz bergambar bersama-sama para penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2021.



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz bergambar bersama-sama para penerima Anugerah *Most Outstanding Hasilian* Tahun 2021.